

16 FEB 2001

AIC-PERJANJIAN

AIC METERAI PERJANJIAN DENGAN DUA FIRMA ASING

CYBERJAYA, 16 Feb (Bernama) -- AIC Corporation Bhd menjangkakan pendapatan di antara RM200 juta dan RM300 juta, hasil daripada perjanjian sub-kontraknya dengan National Semiconductor International BV untuk tempoh lima tahun akan datang.

Syarikat itu yang terlibat di dalam pembuatan cip litar bersepadu turut menjangkakan pendapatan di antara RM15 juta dan RM20 juta setahun daripada usahasama dengan Klettern Pte Ltd, Jerman, demikian menurut presidennya Mohamad Ariff Puteh kepada pemberita di sini hari ini.

AIC menerusi AIC Semiconductor Sdn Bhd, hari ini menandatangani perjanjian sub-kontrak dengan National Semiconductor bagi mengendalikan perkhidmatan pemasangan dan pengujian ke atas rangkaian produk-produk Pakej Dwi Acuan Dalam Talian (MDIP).

Perjanjian usahasama dengan Klettern yang mana menyaksikan AIC memegang 51 peratus kepentingan yang pula akan melibatkan penggabungan sistem untuk rumusan kad pintar, termasuk pengeluaran modul-modul untuk para pelanggan seluruh Asia.

Untuk projek sub-kontrak pula, National Semiconductor memberi jaminan untuk mengeluarkan sejumlah 104 juta unit untuk tempoh enam bulan pertama, sementara bagi talian kad pintar, AIC mempunyai pengeluaran tahunan 40 juta modul setahun.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan majlis perjanjian itu yang antaranya termasuklah pemeteraian memorandum dengan Universiti Telekom Sdn Bhd menerusi Universiti Multimedia.

Dr Mahathir juga menyaksikan perasmian maya kilang kedua AIC Semiconductor di Kulim.

Dalam ucapannya, pengerusi eksekutif AIC Datuk Sarip Hamid berkata, syarikatnya telah melabur RM20 juta bagi pembinaan kilang baru itu, tambahan kepada RM180 juta untuk kilang yang sedia ada.

Sementara itu, Mohamad Ariff berkata National Semiconductor akan mengambil 40 peratus kapasiti pengeluaran kilang baru itu pada bulan Ogos dan bakinya ialah untuk pelanggan-pelanggan yang lain.

Beliau berkata kilang Kulim yang baru itu mampu mengeluarkan 10 juta cip seminggu.

Bagi penjualan produk separa konduktor, Mohamad Ariff berkata peningkatannya mungkin tidak begitu ketara kali ini. Beliau menjangkakan penjualan akan meningkat di antara 15 dan 20 peratus berbanding 35 peratus tahun lepas. -- BERNAMA

SHO FR AA OS